

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SKW103 - Pengantar Sains Politik

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Setiap satu 100 markah.

1. Istilah “politik” telah diberikan pelbagai pengertian. Namun, walau apa pun takrifan yang diberikan, dua perkara pasti akan ditonjolkan, iaitu soal kuasa dan kewibawaan/keesahan kuasa. Bincangkan dua perkara ini dengan tumpuan khas kepada persoalan mengapakah dua persoalan ini sangat penting dalam proses politik.

2. Pilih sebuah negara (melainkan Malaysia) dan dengan menggunakan contoh-contoh yang jelas, bincangkan proses input dan output dalam sistem politik negara tersebut.

3. Apakah peranan dewan perundangan (*legislature*/parlimen) dalam sistem demokratik? Bagaimanakah dewan perundangan boleh mengawal kuasa eksekutif?

...2/-

4. Kumpulan berkepentingan dan kumpulan pendesak boleh memainkan peranan penting dalam mempertahankan kepentingan kelompok-kelompok masyarakat dan meluahkan tuntutan mereka. Walau bagaimanapun peranan dan pengaruh kumpulan-kumpulan ini bergantung kepada kewujudan masyarakat sivil yang cergas dan dinamis. Bincangkan.
5. Antara kritikan utama terhadap kaedah demokratik adalah:
 - sistem demokratik adalah satu legasi imperialis barat,
 - sistem demokrasi adalah satu kemewahan dan banyak negara membangun tidak mampu dengan kemewahan itu,
 - sistem demokrasi memecahbelahkan masyarakat.

Berikan penilaian anda terhadap kritikan-kritikan ini.

6. Pilihanraya diadakan untuk mencapai dua tujuan utama: pertama, untuk membolehkan penyertaan rakyat memilih siapa yang akan memerintah dan membuat dasar-dasar awam dan kedua, untuk mendapatkan sebuah kerajaan yang berkesan. Dua tujuan ini -- iaitu "mandat rakyat" dan "kerajaan yang berkesan" -- boleh sahaja bercanggah diantara satu dengan yang lain. Bincangkan.